



DARI kiri, Pengerusi MBSB Tan Sri Abdul Halim Ali, Ahmad Zaini, Chung dan Pengerusi Cagamas Datuk Ooi Sang Kuang di majlis menandatangani perjanjian antara MBSB dengan Cagamas.

Kuala Lumpur: Malaysia Building Society Berhad (MBSB) meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar hutang tidak berbayar (NPL) selaras dengan kadar industri iaitu sekitar dua peratus dalam tempoh dua tahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Zaini Othman berkata, setakat ini kadar NPL yang dicatatkan adalah sekitar 5.5 peratus dan pencapaian berkenaan dianggap jauh lebih baik berbanding tujuh tahun lalu.

"NPL yang dicatatkan tujuh tahun lalu jauh lebih tinggi iaitu pada kadar 40 peratus dan kami akan terus menjalankan pelbagai strategi untuk memastikan kadar ini dapat dikurangkan,"

katanya selepas memeterai perjanjian induk dengan Cagamas Berhad, semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong.

Menurutnya, pihaknya melaksanakan pelbagai usaha untuk menyelesaikan masalah NPL khususnya pembiayaan legasi yang berlarutan sejak berbelas tahun lalu.

"Kami melaksanakan sistem pembayaran yang lebih baik dan menjalankan penstrukturan semula pengurusan bagi memastikan ia dapat ditangani mengikut tempoh yang ditetapkan.

"Malah, pembiayaan legasi yang membabitkan kira-kira empat akaun akan diberi perhatian sewajarnya," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga meletakkan sasaran untuk mencatatkan pertumbuhan pembiayaan antara lain dan 12 peratus sehingga akhir tahun ini dengan tumpuan diberikan kepada segmen korporat khususnya hartanah dan perladangan.

Perjanjian yang dimeterai dengan Cagamas itu membolehkan MBSB mengekalkan kualiti asetnya yang kukuh menerusi strategi pengurusan liabiliti lebih baik. Penjana dana berkenaan menggunakan gadaai janji belum terima MBSB sebagai aset sandaran.

Di bawah inisiatif ini, MBSB akan menyediakan pinjaman perumahan dan pembiayaan perumahan Islam yang kemudiannya dijual secara langsung kepada Cagamas.